

11/10/2002

Transformasi pertanian melalui teknologi

Nik Yahya Ab Rahman

SEKTOR pertanian kini bukan lagi dianggap sebagai industri malap. Sebagaimana pembentangan Bajet 2003 bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggariskan sektor pertanian adalah penjana ketiga pembangunan ekonomi negara selepas sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Sesungguhnya, rakyat seharusnya berbangga dengan senario sektor pertanian negara yang terus progresif dan dinamik dengan pelbagai pendekatan mapan dan komprehensif yang diambil kerajaan.

Sektor pertanian mengalami pertumbuhan membanggakan pada pertengahan 1980-an. Walaupun kecil, ia berjaya menyumbang sebanyak dua hingga tiga peratus setahun kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Pertumbuhan sektor pertanian terus berganjak apabila Dasar Pertanian Negara 1 (DPN1) dilancarkan pada 1984. Ini diikuti DPN2 (1992-2010) yang menyaksikan sektor berkenaan mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 3.2 peratus dengan jumlah nilai ditambah meningkat daripada RM11.9 bilion pada 1985 kepada RM16.2 bilion pada 1995.

Eksport barang pertanian pula meningkat daripada RM13.9 bilion kepada RM35.4 bilion dalam tempoh yang sama - purata pertumbuhan 9.8 peratus setahun.

Namun, apabila ekonomi negara kita menjunam pada Julai 1997, sektor pertanian tidak terkecuali menanggung kesannya. Perbelanjaan import makanan naik hampir sekali ganda kepada kira-kira RM10 bilion pada 1997 berbanding RM7 bilion pada tahun sebelumnya.

Lantaran itu, kerajaan mengambil langkah holistik dengan memberi perhatian serius di mana suatu dasar yang lebih konkrit, pragmatik dan sistematik harus dilaksanakan segera.

Perdana Menteri mengarahkan Kementerian Pertanian menggubal kembali DPN2 supaya dapat menangani pelbagai cabaran yang sedang melanda negara. Antaranya ialah menyatupadukan strategi pembangunan sektor pertanian dan perhutanan untuk mengatasi kekurangan sumber seperti tanah, buruh, modal dan mekanisasi moden di semua sub-sektor, termasuk tanaman, ternakan, perikanan dan pelancongan tani.

Kemuncaknya, Dasar Pertanian Negara Tiga (DPN3) dilancarkan 9 Jun 1999 yang menekankan kepada pembangunan mapan sektor pertanian, yang bukan hanya diceburi ketika kegawatan ekonomi tetapi wajar diteruskan sebagai industri kukuh.

Walaupun sumbangan sektor pertanian terhadap KDNK dijangka terus menurun kepada 10.5 peratus (2000), sumbangannya kepada ekonomi tidak boleh dinafikan.

Sektor pertanian dijangka mencapai kadar pertumbuhan 2.1 peratus setahun sepanjang DPN3 (1998-2010) dengan peningkatan sumbangan nilai ditambah pertanian daripada 1.6 peratus (1995) kepada 7.8 peratus (2010).

Selain itu, pertumbuhan kukuh juga dijangka diperoleh daripada sektor kecil makanan dengan sumbangannya kepada nilai ditambah pertanian meningkat daripada RM4.3 bilion (1995) kepada RM7.3 bilion (2010).

Dalam usaha itu, Kementerian Pertanian sedang menubuhkan Pusat Maklumat Setempat dan Bank Tanah bertujuan membekalkan semua maklumat berkaitan industri pertanian dalam usaha memajukan sektor itu, khususnya di kalangan sektor swasta.

Bagi melengkapi maklumat itu, kementerian kini mendapatkan maklumat daripada kerajaan negeri mengenai kawasan yang dibangunkan untuk pertanian di negeri masing-masing.

Sehingga 1998, seluas 195,000 hektar tanah di Johor, Perak, Pahang, Terengganu dan Selangor diperuntukkan untuk pertanian.

Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi, mengambil inisiatif dengan pelbagai pendekatan mapan untuk membangunkan sektor pertanian sebagai suatu industri menguntungkan.

Pada 1 Oktober lalu, sekali lagi masyarakat tani yang merangkumi peladang, penternak dan nelayan, menyambut perayaan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2002.

Sambutan berprestij itu berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Mines, Kuala Lumpur dalam suasana meriah dan bersejarah dengan kehadiran Dr Mahathir.

Perayaan ke-28 itu diadakan sebagai kesinambungan manifestasi harapan kerajaan kepada masyarakat tani supaya membaharui azam untuk terus berusaha secara giat dengan meningkatkan keluaran dan kualiti hasil pertanian dan makanan untuk mengurangkan pergantungan import.

Ini seterusnya akan mengurangkan beban perbelanjaan import ke atas barang berkenaan yang mencecah RM11 bilion pada 2000.

Pada masa sama, petani diharapkan akan terus menjadikan pertanian sebagai punca pendapatan demi kebahagiaan keluarga dan kemakmuran negara.

Dr Mahathir sudah kerap mengulangi agar pertanian dijadikan agenda utama pembangunan negara.

Katanya, banyak sumber asli termasuk laut, pulau, pantai, ladang, sungai dan tasik yang masih tidak diterokai dengan mapan.

Justeru, kata Perdana Menteri, semua pihak yang berkaitan sektor pertanian hendaklah mengambil tanggungjawab untuk memaksimumkan penerokaan mengikut sektor kecil masing-masing.

Pihak yang bertanggungjawab terhadap penyelidikan dan pembangunan (R&D) pula perlu meningkatkan usaha untuk mengeluarkan hasil pertanian dan makanan berkualiti, selamat dimakan dan tentu halalnya.

Pada 17 September lalu, Effendi ketika berucap merasmikan produk baru hasil perikanan yang diperkenalkan Mardi di Stesen Mardi Kuala Terengganu, menegaskan usaha berkenaan perlu dilakukan secara profesional.

Katanya, setiap tahun Mardi, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan memperkenalkan produk berasaskan ikan yang boleh diusahakan oleh nelayan usahawan dan pihak swasta secara komersial.

Justeru, katanya, nelayan usahawan perlu mengambil peluang berkenaan untuk meningkatkan nilai tambah ke atas hasil-hasil perikanan.

Effendi berkata, negara telah dan sedang menuju ke arah penangkapan ikan secara moden di samping projek akuakultur yang semakin canggih bagi mencapai tahap pengeluaran sebanyak 1.5 juta tan metrik ikan.

Selain itu, Mardi juga berjaya memperkenalkan pengeluaran hasil padi sehingga 10 tan metrik sehektar (melalui pengenalan padi baru MRQ50) seperti yang telah terbukti oleh petani Kampung Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan.

Dengan langkah mapan itu, kita yakin pengeluaran ikan sebanyak 600,000 tan metrik dan makanan ruji (beras) sebanyak 65 peratus keperluan negara pada 2005 akan tercapai.

Sesungguhnya, sektor asas ini juga akan menentukan kejayaan wawasan kerajaan yang berpunca daripada pemakanan rakyat negara ini.

Sebagaimana yang sering ditegaskan Effendi, sektor pertanian akan bertambah maju apabila masyarakat tani menjadikan pekerjaan mereka sebagai suatu industri.

Begitu juga pengenalan teknologi terkini seperti tema perayaan itu tahun ini untuk mengajak masyarakat tani menggunakan teknologi terkini bagi meningkatkan daya produktiviti ladang, ternakan haiwan atau tangkapan ikan negara.

Sesungguhnya, makanan juga adalah penting dan menjadi benteng pertahanan

apabila sesuatu bencana berlaku kerana makanan adalah salah satu aspek keselamatan negara.